

MRS Ampang Patuh Pengurusan Rekod – Pemantauan 2025 Berjalan Lancar

AMPANG, 15 Julai 2025 – Seksyen Rekod, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah melaksanakan Pemantauan Pengurusan Rekod di Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Daerah Ampang selaras dengan ketetapan Jadual Takwim Aktiviti JAKESS 2025. Pemantauan ini diketuai oleh **Sofian Bin Ibrahim**, Pegawai Rekod Jabatan, **dibantu** oleh **Nuraziraakmar Binti Othman**, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan, dan dilaksanakan pada jam 10.00 pagi.

Pemantauan yang dijalankan bertujuan memastikan semua aktiviti pengurusan rekod dilaksanakan mengikut peruntukan Seksyen 7(a), Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Skop pemantauan merangkumi sesi taklimat, pengauditan, pemeriksaan dokumen, pengambilan gambar dan perbincangan bersama pegawai berkaitan.


Hasil pemantauan mendapati MRS Ampang mematuhi penggunaan kod klasifikasi fail semasa, mengurus fail urusan am dan fungsian dengan baik, serta menyelenggara bilik fail secara teratur mengikut piawaian Arkib Negara Malaysia (ANM).

Bagi rekod pelupusan, tahun 2024 mencatatkan pelupusan sebanyak 1,545 fail dilaksanakan pada bulan Ogos 2024. Manakala dari Januari hingga Julai 2025, sebanyak 970 fail telah dilupuskan, termasuk rekod kes Sulh dan pentadbiran am, dan fail urusan kewangan sebanyak 2.332 meter panjang.


Dari segi penjilidan, sebanyak 51 jilid kes Mal bagi tahun 2014–2015 telah disiapkan pada tahun 2025. Rekod-rekod penting disaran untuk disimpan di lokasi yang bersesuaian bagi mengelakkan kerosakan atau kehilangan, selaras dengan Seksyen 33 Akta Arkib Negara 2003.

Pegawai Rekod JAKESS, Sofian bin Ibrahim memaklumkan bahawa beberapa isu berkaitan sistem E-Syariah versi 3 dan penyelarasan kod kes akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod Bil.2/2025 bagi mencari penyelesaian bersama di peringkat negeri dan JKSM.





NO. KOD	NAMA FAIL
100-1/5/1	Akta Persekutuan
100-1/5/3	Warta Kerajaan
100-1/5/4	Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akujanji)
100-1/6/1	Pekeliling Dan Surat Pekeliling JPA
100-1/6/2	Surat Pekeliling SUK
100-1/6/3	Surat Pekeliling Ketua Jabatan
100-1/6/4	Surat Pekeliling Ketua Pendaftar
100-1/6/5	Arahan / Peraturan Kerja Lebih Masa
100-2/1/1	Keratan Akhbar
100-2/1/7	Pameran
100-2/3/1	Aduan Pelanggan (FAIL SULIT)
100-2/3/3	Kajian Kehendak Pelanggan
100-2/4/1	Lawatan Kementerian/Jabatan/Orang Awam ke Jabatan
100-2/4/2	Lawatan Jabatan ke Kementerian
100-2/4/7	Naziran
100-5/3/1	Statistik Kes Mal
100-5/3/2	Statistik Kes Jenayah
100-6/1/1	Mesyuarat Pengurusan Jabatan (MPT)
100-6/1/6	Mesyuarat Pra Ketua Hakim Syarie dan Ketua Pendaftar
100-6/1/7	Mesyuarat Penolong Pendaftar / Pembantu Pendaftar
100-6/1/13	Mesyuarat Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia
100-6/1/15	Mesyuarat Bahagian Kawangan

[illegible]